

CELIK WANG

Rancang awal belanja Raya elak boros



29 Jun 2014

NUR ADILAH MAHBOB

ORANG Islam di Singapura mula berpuasa hari ini, dan mungkin ada yang berpendapat terlalu awal membuat persiapan Hari Raya.

Namun, tidak salah membuat perancangan kewangan awal agar tidak boros belanja dek terlalu ghairah menyambut Aidilfitri nanti atau membeli-belah saat akhir.

Pusat Nasihat Kewangan (DAC) Angkatan Karyawan Islam (AMP) dan Kaunseling Kredit Singapura (CCS) menawarkan beberapa tip bagi membantu anda merancang perbelanjaan musim Raya.

SIAPKAN SENARAI KEPERLUAN DAN BAJET

Kaunseling Kredit Singapura menyarankan anda menetapkan dahulu jumlah yang mampu anda belanja untuk Hari Raya.

Siapkan senarai semua barangan yang ingin dibeli dan rancang bajet untuk setiap kategori, misalnya untuk kuih-muih, duit Raya, dan baju Raya. Cuba sedaya upaya untuk ikut bajet yang ditetapkan.

"Bawa wang tunai sahaja apabila anda pergi membeli belah agar tidak terlebih belanja,"kata CCS.

Usah beli saat akhir kerana anda mungkin kesuntukan masa untuk mempertimbangkan pembelian yang paling menjimatkan.

BEZA ANTARA KEPERLUAN DAN KEMAHUAN

Hendak beli beg baru untuk dipadankan dengan pakaian baru? Tanya pada diri sendiri - adakah beg itu perlu atau hanya sesuatu yang diidamkan?

Sebelum membeli yang baru, lihat baju sedia ada yang boleh disuai padankan (mix and match).

Untuk duit Raya, beri yang mampu. "Tak perlu ikut 'harga pasaran' jika ia membebankan," kata CCS.

"Utamakan perbelanjaan lebih penting, seperti mengganti beg sekolah anak yang sudah koyak umpamanya, serta mengutamakan perbelanjaan sekolah mereka," kata DAC.

MENABUNG BAGI MEMBELI BARANGAN BARU

Tidak salah jika anda ingin membeli barang baru untuk menghiasi rumah atau diri anda sempena Aidilfitri.

"Namun, sebaik-baiknya anda perlu merancang lebih awal supaya anda dapat menabung bagi mendapatkan barang yang diinginkan," kata DAC.

Umpamanya, untuk membeli sebuah set sofa baru berharga \$1,099, anda perlu menabung sebanyak \$100 selama 11 bulan. Ini tidak termasuk wang tabungan setiap bulan untuk masa kecemasan.

Sewajarnya usah berlebihan dalam menghiasi rumah dengan tujuan menunjuk-nunjuk. Yang penting bersih dan kemas.

USAH TERPENGARUH DENGAN SKIM BAYAR ANSURAN

Sebuah TV berukuran 65 inci untuk \$7 sahaja? Tawaran itu memang nampak menarik.

Namun, pembayaran itu mungkin menetapkan syarat tertentu. Misalnya, bayaran \$7 itu adalah bayaran ansuran setiap hari selama 60 bulan, iaitu lima tahun.

Jika anda membuat kira-kira, ini bermakna anda akan membayar sebanyak \$12,600 secara keseluruhan, berbanding harga TV itu jika bayaran dibuat sepenuhnya iaitu \$7,000.

Contoh kira-kira:

Harga TV jika membuat bayaran penuh = \$7,000

Harga TV menerusi bayaran ansuran = \$7 x 30 hari sebulan x 60 bulan (lima tahun) = \$12,600

Ini bermakna anda membayar \$5,600 lebih tinggi daripada harga TV yang sebenarnya. Jika TV itu rosak dan sudah tidak boleh digunakan lagi selepas dua atau tiga tahun, anda tetap perlu membuat bayaran ansuran untuknya selama dua tahun lagi.

USAH BERHUTANG HANYA UNTUK BERAYA

DAC menasihatkan masyarakat agar tidak meminjam wang dan berhutang semata-mata untuk berbelanja di musim Raya, seperti yang pernah berlaku kepada klien yang dibantu DAC.

"Tiada manfaat anda meminjam supaya anda sekeluarga boleh berpakaian sedondon, menikmati hidangan yang besar, atau membeli langsir baru demi menyambut Aidilfitri.

"Kemeriahan menyambut Aidilfitri tidak terikat kepada adanya barang-barangan seperti perkakas rumah atau pakaian baru.

"Malah pembaziran wang kita untuk perkara-tersebut akan mengurangi kesan dan pahala ibadah kita pada bulan Ramadhan," ujar DAC.

Terjebak ekoran hutang barangan rumah tertunggak

29 Jun 2014

Berita Harian

CIK Rohana (bukan nama sebenar), 40 tahun, terpaksa hidup berpisah dengan empat anaknya yang menumpang dengan saudara-mara selama dua tahun setelah bercerai dengan suaminya pada 2010.

Oleh itu, beliau gembira mendapat flat sewa dua bilik daripada HDB dan mereka sekeluarga dapat tinggal sebumbung.

Namun, beliau tidak mampu membeli perkakas baru bagi flat sewa mereka.

Beliau membawa balik gaji \$1,300 sebagai kru restoran makanan segera yang hanya cukup untuk keperluan asas.

Anak bongsunya pula menghidap sejenis sakit pernafasan, dan beliau terpaksa mengeluarkan perbelanjaan perubatan anaknya walaupun setelah mendapat subsidi dan bantuan daripada hospital.

Mulanya, Cik Rohana cuba mendapatkan barang terpakai untuk rumahnya. Namun, beliau tertarik dengan tawaran perkakas rumah yang murah dan berasa mampu membayar secara ansuran.

Pada lima bulan pertama, beliau mampu membayar ansurannya \$250 sebulan.

Namun, bayaran ansurannya mula tertunggak apabila Cik Rohana jatuh sakit dan terpaksa menjalani pembedahan kecil untuk mengatasi masalah kesihatannya.

Beliau kemudian mengambil pinjaman daripada pemiutang berlesen bagi membayar tunggakan itu kerana tidak mahu barang-barang rumahnya ditarik balik.

Ini memburukkan lagi keadaan kerana Cik Rohana perlu membuat pembayaran semula kepada pemiutang berlesen setiap minggu dan bayaran ansuran perkakas rumah pada hujung bulan.

Runsing dan tertekan, beliau memutuskan mendapatkan bantuan di Pusat Nasihat Hutang (DAC) Angkatan Karyawan Islam (AMP).

Wakil pemiutang berlesen datang ke rumahnya beberapa kali dan cara agresif mereka membuatkan Cik Rohana dan anak-anaknya takut. Beliau pun menerima surat tuntutan daripada kedai perkakas rumah tersebut.

Setelah sesi kaunseling bersama pegawai DAC, Cik Rohana berasa lebih lega dan mula mengatur langkah mengatasi masalah hutang beliau.

Setelah mengira dan mengetepikan wang bagi keperluan keluarganya, Cik Rohana berunding dengan pegawai kedai perkakas itu untuk membuat bayaran ansuran yang beliau mampu.

DAC masih membantu Cik Rohana menyelesaikan masalah beliau dengan pemiutang berlesen itu.